

POLISI

KONFLIK KEPENTINGAN

NO. RUJUKAN: SCG/Policy/08

TARIKH KUATKUASA: 21 Ogos 2024

ISU: 02
SEMAKAN: 00

Diluluskan oleh Lembaga Pengarah SCG pada 21 Ogos 2024

Isi Kandungan

Isi Kandungan.....	2
0.0 PENGENALAN & TUJUAN	4
1.0 SKOP	4
2.0 DEFINISI.....	4
3.0 GARIS PANDUAN TAKRIFAN DAN PERATURAN BAGI MENGELAK KONFLIK KEPENTINGAN	5
4.0 PENDEDAHAN	8
5.0 PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN.....	9
6.0 PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN KHUSUS	11
7.0 PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN ANTARA SYARIKAT	11
8.0 TANGGUNGJAWAB PENYELIAAN.....	11
9.0 PENYELENGGARAAN REKOD.....	14
10.0 TINDAKAN TATATERTIB.....	14
11.0 DOKUMEN RELEVAN LAIN	14
12.0 SEMAKAN PEMATUHAN	15
13.0 HUBUNGI.....	15
14.0 PEMILIK POLISI	15
15.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT	16
16.0 TARIKH BERKUAT KUASA.....	16

Rekod Pindaan

Mukasurat	Isu / Semakan	Butiran Pindaan	Tarikh Isu / Semakan
Semua	01/00	Isu Pertama	Januari 2015
Semua	01/00	Mengemaskini keseluruhan dasar agar mematuhi Keperluan Bursa	21 Ogos 2024

0.0 PENGENALAN & TUJUAN

Kumpulan Sunway Construction Berhad dan anak-anak syarikatnya ("SCG" atau "Syarikat") komited untuk menegakkan piawaian tertinggi nilai teras SCG iaitu integriti, rendah diri dan kecemerlangan dalam semua urusan perniagaan. SCG amat percaya kepada melakukan perkara yang betul pada setia masa.

Objektif utama polisi ini adalah untuk mewujudkan dan mengekalkan rangka kerja yang kukuh yang mempunyai proses dan prosedur yang jelas untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus konflik kepentingan sebenar dan yang berpotensi secara adil dan telus. Ini bukan sahaja mematuhi piawaian kawal selia, malah memupuk budaya akauntabiliti dan integriti dalam kalangan kakitangan SCG.

1.0 SKOP

Polisi ini terpakai kepada Pengarah Bukan Eksekutif (bebas dan tidak bebas) dan semua kakitangan termasuk Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Utama (seperti yang disenaraikan dalam Lampiran A) SCG, di peringkat domestik dan antarabangsa.

2.0 DEFINISI

Rasuah¹	Perbuatan memberi, bersetuju untuk memberi, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana individu sebarang habuan (termasuk pembayaran tunai, hadiah, atau layanan berlebihan, atau sebarang bentuk dorongan yang ditawarkan atau diberikan kepada mana-mana individu) dengan niat: (a) untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan bagi Syarikat; atau (b) untuk mendapatkan atau mengekalkan kelebihan dalam pelaksanaan perniagaan Syarikat.
Rakan Niaga	Rakan kongsi, ejen, vendor, pembekal, kontraktor, perunding dan mana-mana pihak ketiga pemberi perkhidmatan atau individu lain yang menjalankan perkhidmatan untuk atau bagi pihak SCG.
Korupsi²	Penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi.
Ketua Eksekutif	Pegawai eksekutif utama SCG, yang dikenali sebagai Pengarah Urusan Kumpulan bagi SCG.
Ketua Pegawai Kewangan	Individu yang bertanggungjawab utama dalam pengurusan hal ehwal kewangan SCG (seperti penyimpanan rekod, perancangan kewangan dan pelaporan kewangan) selaras dengan keperluan senarai pasaran utama Bursa Malaysia (<i>Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia</i>).
Dagangan dalaman³	Pembelian atau penjualan sekuriti SCG yang dilakukan oleh atau bagi pihak individu yang mempunyai pengetahuan mengenai maklumat penting yang berkaitan tetapi tidak

¹ Seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018

² Seperti yang ditakrifkan oleh Transparency International

³ Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 188, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007

	didedahkan kepada umum mengenai Syarikat yang boleh mempengaruhi harga sekuriti Syarikat (<i>price sensitive information</i>) sekiranya didedahkan kepada umum.
Pengurusan Kanan Utama⁴	Individu yang bertanggungjawab utama ke atas operasi perniagaan teras SCG dan anak-anak Syarikat utama (Rujuk Lampiran A: Pengurusan Kanan Utama).
Hubungan Peribadi	Individu yang mempunyai pertalian dengan seseorang pekerja: (a) Ahli keluarga dan/atau saudara-mara termasuk pasangan, anak-anak (termasuk anak tiri dan anak angkat), ibu bapa, ibu bapa tiri, adik-beradik, adik-beradik tiri, datuk nenek, cucu, ipar-duai, bapa/ibu saudara, anak saudara, sepupu pertama serta individu yang menjadi menjadi ahli isi rumah anda; dan (b) Individu yang mempunyai hubungan intim dengan pekerja tersebut.
Urus Niaga Pihak Berkaitan⁵	Urus niaga yang dibuat antara SCG atau anak-anak syarikatnya dengan pihak berkaitan, selain daripada urus niaga berpendapatan dalam urusan biasa perniagaan, “pihak berkaitan” bermaksud pengarah atau pemegang saham utama atau individu yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang saham utama tersebut.

3.0 GARIS PANDUAN TAKRIFAN DAN PERATURAN BAGI MENGEKAL KONFLIK KEPENTINGAN

Konflik kepentingan (“COI”) berlaku apabila:

- Kepentingan seorang pekerja atau pengarah, mengganggu, atau dilihat mengganggu kepentingan SCG; atau
- Pekerja atau pengarah tersebut mempunyai kepentingan yang boleh menyukarkan beliau untuk melaksanakan peranan secara objektif dan berkesan.

Situasi COI ditakrifkan secara meluas di SCG seperti berikut:

- Konflik kepentingan sebenar boleh dikenal pasti sebagai wujud atau telah menimbulkan konflik kepada kepentingan sah SCG; atau
- Konflik kepentingan berpotensi merujuk kepada situasi yang belum berlaku atau belum material, tetapi mungkin timbul kemudiannya disebabkan, antara lain, hubungan atau kepentingan sedia ada pekerja atau pengarah tersebut

Bagi tujuan polisi ini, COI merangkumi konflik yang sebenar dan yang berpotensi.

COI yang melibatkan pekerja atau pengarah tersebut tidak terhad kepada kepentingan kewangan secara langsung, tetapi turut merangkumi kepentingan kewangan secara tidak langsung dan/atau kepentingan bukan kewangan

⁴ Seperti yang ditakrifkan oleh Bursa Malaysia di bawah *Main Market Listing Requirements* 2023

⁵ Seperti yang ditakrifkan oleh Bursa Malaysia di bawah *Leap Market* Bab 7: Urus Niaga

(contohnya yang timbul daripada hubungan kekeluargaan, perniagaan atau kepentingan profesional), atau kesetiaan serta kepentingan yang bersaing.

3.1 Kepentingan Kewangan

- a) Kepentingan kewangan merangkumi pelaburan, pemilikan, kepentingan proprietari, perkongsian serta sebarang bentuk pengaturan kewangan lain yang memberikan bahagian keuntungan atau hasil, gaji, yuran, manfaat dalam bentuk barangan atau sebarang bentuk pendapatan atau aset lain.
- b) Pekerja mestilah mendedahkan sebarang kepentingan kewangan yang dimiliki oleh diri sendiri, ahli keluarga atau saudara mara, atau pasangan intim dalam rakan niaga SCG, pesaing atau perniagaan lain sekiranya mereka berada dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi keputusan di SCG berkaitan perniagaan tersebut.

3.2 Hubungan Peribadi

- a) Walaupun SCG menghormati privasi pekerjaannya dan secara umumnya tidak akan campur tangan dalam hubungan peribadi seseorang pekerja, sesetengah hubungan seperti pertalian kekeluargaan dalam SCG, hubungan dengan rakan niaga atau pesaing SCG, atau hubungan intim yang berpotensi menimbulkan konflik kepentingan atau tanggapan mengenainya.
- b) Oleh itu, pekerja dikehendaki untuk mendedahkan sebarang hubungan peribadi yang mungkin mewujudkan konflik kepentingan atau yang secara munasabah boleh dianggap mempengaruhi tanggungjawab atau keputusan profesional mereka. Ini termasuk ahli keluarga, saudara-mara atau pasangan intim yang bekerja di syarikat pesaing atau rakan niaga niaga.
- c) Pekerja tidak dibenarkan untuk menjalin hubungan langsung antara pengurus dan bawahan dengan ahli keluarga, saudara-mara atau pasangan intim di SCG. Pekerja juga mestilah mengelakkan diri daripada terlibat dalam sebarang keputusan berkaitan pekerjaan seperti pengambilan, penugasan kerja, pampasan, penilaian prestasi, tindakan tata tertib dan kenaikan pangkat untuk individu-individu tersebut; walaupun tiada hubungan penyeliaan secara langsung

3.3 Pekerjaan atau Aktiviti Luar

- a) SCG tidak melarang semua bentuk pekerjaan luar. Pekerjaan luar termasuk kerja bebas (*freelancing*), kerja sambilan, perundingan atau penasihat manakala aktiviti lain termasuk perniagaan atau perkhidmatan luar.
- b) Walau bagaimanapun, menjadi tanggungjawab pekerja untuk memastikan bahawa pekerjaan luar dan/atau aktiviti lain tidak memberi kesan negatif terhadap kerja mereka di SCG, tidak melibatkan penyalahgunaan maklumat, harta atau aset SCG, tidak mewujudkan konflik untuk SCG atau menjejaskan kepentingan SCG. Pekerja hanya boleh terlibat dalam pekerjaan atau aktiviti luar sekiranya tidak mengganggu keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab di SCG.

- c) Pekerja tidak dibenarkan untuk terlibat dalam sebarang pekerjaan atau aktiviti luar yang mempengaruhi secara tidak wajar, atau yang boleh dianggap sebagai mempengaruhi secara tidak wajar, pertimbangan, keputusan atau tindakan mereka dalam menjalankan peranan mereka di SCG. Ini terpakai kepada semua aktiviti luar, tanpa mengira gelaran atau pampasan, dan sama ada ia melibatkan jawatan dalam syarikat/organisasi lain atau mana-mana entiti lain yang boleh mengganggu tugas dan tanggungjawab pekerja di SCG.
- d) Pekerja dikehendaki untuk mendedahkan sebarang pekerjaan luar dan/atau aktiviti-aktiviti lain secara bertulis dan mendapatkan kelulusan daripada Unit Perniagaan Sumber Manusia (BUHR) sebelum terlibat dalam pekerjaan atau perkhidmatan atau perniagaan luar tersebut.
- e) Pekerja adalah dilarang daripada terlibat dalam pekerjaan luar dan/atau aktiviti lain dengan pesaing dan rakan niaga SCG.

3.4 Perkhidmatan di Organisasi Lain

- a) Kelulusan bertulis terlebih dahulu diperlukan bagi sebarang perkhidmatan luar di organisasi lain yang melibatkan Pengurusan Kanan Utama dan kepimpinan Unit Perniagaan/Korporat. Ini termasuk peranan seperti pengarah, pemegang jawatan rasmi, ahli majlis, ahli jawatankuasa, atau perunding bagi persatuan perdagangan atau profesional serta jawatan dalam lembaga ("Lembaga") penasihat Syarikat atau organisasi lain, badan kerajaan/berkanun dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Aktiviti sedemikian, sama ada dijalankan atas permintaan SCG atau secara persendirian, mesti didedahkan kerana berpotensi menimbulkan COI.
- b) Berkhidmat sebagai pengarah, pemegang jawatan rasmi atau ahli Lembaga penasihat kepada pesaing SCG atau rakan perniagaan SCG adalah dilarang sama sekali.

3.5 Manfaat Peribadi

- a) Pekerja tidak dibenarkan untuk mengalihkan sebarang peluang perniagaan yang sedang diusahakan oleh SCG untuk kepentingan peribadi mereka atau untuk memberi keuntungan kepada pihak lain.

3.6 Hadiah Perniagaan, Layanan dan Hospitaliti

- a) Hadiah, layanan dan hospitaliti biasanya dinilai sebagai bidang berisiko tinggi untuk rasuah. SCG telah mengamalkan polisi "Tiada Hadiah" yang melarang pekerja daripada secara langsung atau tidak langsung menerima atau memberi hadiah dengan tujuan untuk mempengaruhi mana-mana pihak secara tidak wajar sebagai pertukaran untuk manfaat atau hasil di masa hadapan, kerana perkara ini akan dianggap sebagai satu tindakan rasuah dan bertentangan dengan nilai teras SCG.
- b) Pekerja mestilah tidak memberi, meminta, menawarkan atau menerima hadiah, pertolongan atau sebarang manfaat peribadi yang boleh mempengaruhi pertimbangan mereka sendiri atau pihak lain dalam urusan perniagaan SCG atau

mana-mana pihak lain. Ini termasuk situasi di mana hadiah atau manfaat tersebut boleh menyebabkan salah laku, penyalahgunaan kuasa, atau kelebihan yang tidak adil dalam mendapatkan kontrak dan konsesi.

3.7 Derma, Tajaan dan Tanggungjawab Korporat

- a) Derma amal dan/atau sumbangan dan/atau tajaan biasanya dianggap sebagai bidang berisiko tinggi untuk pelbagai bentuk rasuah, pengubahan wang haram dan aktiviti berkaitan korupsi yang lain.
- b) Pekerja dilarang membuat pendermaan, sumbangan dan penajaan bagi aktiviti berkaitan perniagaan yang berada di luar strategi yang digariskan dalam polisi Pendermaan, Penajaan dan Tanggungjawab Korporat.

Lampiran C merupakan senarai contoh (tidak menyeluruh) mengenai situasi di mana konflik kepentingan (COI) boleh berlaku.

4.0 PENDEDAHAN

4.1 Semua pekerja dijangka mengelakkan konflik kepentingan dan dikehendaki mendedahkan sebarang konflik kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebenar atau berpotensi kepada Ketua Jabatan masing-masing atau BUHR. Proses pendedahan adalah seperti berikut:

- a) **Semasa proses pengambilan kerja**
 - Semasa pengambilan pekerja baharu atau apabila pekerja dipindahkan ke jawatan baru atau unit perniagaan lain.
 - b) **Secara tahunan**
 - Dimulakan oleh BUHR.
 - Semua pekerja dikehendaki mengemukakan borang pendedahan mereka kepada BUHR sama ada terdapat konflik kepentingan atau tidak.
 - c) **Secara ad hoc**
 - Iaitu serta-merta atau secepat mungkin setelah mereka menyedari sebarang perubahan dalam situasi peribadi mereka; sama ada wujudnya konflik kepentingan baharu atau konflik sedia ada telah berakhir.
- 4.2 Walau bagaimanapun, sekiranya pekerja tidak pasti tentang kewujudan konflik kepentingan dalam mana-mana situasi yang dinyatakan dalam Seksyen 3 di atas, pekerja tersebut hendaklah mengisytiharkan kepada Ketua Jabatan masing-masing atau BUHR.
- 4.3 Pengarah yang berkhidmat sebagai Ahli Lembaga SCG dan/atau mana-mana anak syarikatnya hendaklah merujuk kepada Seksyen 10.3 dalam Piagam Lembaga Kumpulan Sunway Construction Berhad berkenaan keperluan pendedahan secara sendiri secara tahunan berkaitan COI.

Sila rujuk Lampiran D1, D2 dan D3 untuk borang pendedahan konflik kepentingan (COI) masing-masing.

5.0 PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN

5.1 Pengendalian Pendedahan Konflik Kepentingan

- a) Menubuhkan sistem pengurusan COI yang berfungsi sebagai pusat pendaftaran dan pusat repositori untuk semua penyerahan COI dalam SCG. Sistem ini memastikan semua maklumat peribadi dan dokumen sokongan berkaitan pendedahan COI dikumpulkan, disimpan dan digunakan selaras dengan polisi Perlindungan Data Peribadi (PDPA). Jabatan Sumber Manusia Kumpulan (GHR) merupakan pentadbir sistem pengurusan COI.
- b) Sistem ini mengguna pakai pendekatan yang seragam bagi pendedahan, pengurusan dan pelaporan COI di seluruh SCG. Ia berfungsi sebagai rekod berpusat bagi semua maklumat pendedahan COI, dengan menggabungkan pendedahan daripada pelbagai unit perniagaan (BU). Sistem ini memudahkan pengurusan konflik secara berkesan termasuk pembangunan dan pelaksanaan pelan tindakan penyelesaian, penghapusan dan langkah mitigasi.
- c) BUHR masing-masing bertanggungjawab memastikan pendedahan COI dibuat dengan tepat pada masanya serta penyerahan dokumen berkaitan oleh pekerja, tidak termasuk pengarah eksekutif dan bukan eksekutif (yang merupakan tanggungjawab setiausaha Syarikat). Ini termasuk memuat naik langkah mitigasi oleh pihak yang meluluskan. Rekod-rekod ini akan sentiasa tersedia untuk semakan kawal selia dan penelitian oleh Lembaga dan jawatankuasa audit ("Jawatankuasa Audit").

Sila rujuk Lampiran E1 dan Lampiran E2 bagi aliran proses Pengurusan COI untuk pekerja serta penerangan proses. Lampiran F merujuk kepada aliran proses Pengurusan COI bagi pengarah.

5.2 Kelulusan Matrix Konflik Kepentingan

- a) Jadual A di bawah merupakan Kelulusan Matrix Konflik Kepentingan yang menggariskan pelbagai kategori pekerja beserta pihak berkuasa yang ditugaskan untuk mengenal pasti, menilai, dan mencadangkan tindakan bagi menyelesaikan, menghapuskan atau mengurangkan konflik tersebut. Matriks ini juga memperincikan pihak berkuasa yang sesuai dan bertanggungjawab untuk meluluskan tindakan yang dicadangkan.

Jadual A

Kategori Pekerja	Mengumpul & Mengesahkan	Mengenal Pasti, Menilai & Mengesyorkan	Pihak Yang Meluluskan
Pekerja	BUHR	Pasukan Kepimpinan Unit Perniagaan	L1
Pasukan Kepimpinan Unit Perniagaan	BUHR	L1	Presiden
Pengurusan Kanan Utama	Kumpulan HR	Jawatankuasa Audit	Lembaga Pengarah

Pengarah Eksekutif & Bukan Eksekutif	Setiausaha Syarikat	Jawatankuasa Audit	Lembaga Pengarah
--------------------------------------	---------------------	--------------------	------------------

- b) Ketua Unit Perniagaan (BU leader) dan Unit Perniagaan Sumber Manusia (BUHR) bertanggungjawab untuk melaksanakan pelan tindakan pembetulan yang telah diluluskan serta memantau dan menyemak keberkesanannya yang melibatkan pekerja.
- c) Setiausaha Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan pendedahan yang dikemukakan oleh Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan, dan Pengurusan Kanan Utama dibentangkan untuk perbincangan dan pertimbangan oleh Jawatankuasa Audit, dengan cadangan tersebut dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

5.3 Pelan Tindakan untuk Menyelesaikan, Menghapuskan atau Mengurangkan Konflik Kepentingan

Pelan tindakan yang sesuai untuk mengurus konflik kepentingan akan berbeza bergantung kepada situasi dan keadaan khusus yang terlibat. Justeru itu, pelan tindakan ini hendaklah ditentukan berdasarkan kes demi kes oleh pihak berkuasa yang meluluskan. Berikut adalah beberapa contoh pelan tindakan:

a) Penerusan dengan Sekatan

Penyertaan boleh diteruskan dengan syarat sekatan tertentu dikenakan.

b) Penarikan Diri

Pekerja hendaklah menarik diri daripada sebarang perbincangan atau keputusan yang berkaitan dengan konflik tersebut.

c) Menghadkan / Menafikan Akses

Akses kepada maklumat atau dokumen sensitive/rahsia yang berkaitan dengan konflik boleh dihadkan atau dinafikan.

d) Penugasan Semula / Pemindahan

Pekerja boleh dipindahkan atau ditugaskan semula ke peranan atau jabatan lain dalam Unit Perniagaan/Kumpulan bagi mengelakkan mereka daripada kedudukan yang mempunyai kuasa pengaruh atau membuat keputusan.

e) Perjanjian Kerahsiaan / *Non-Disclosure*

Memerlukan individu berkenaan menandatangani perjanjian *non-disclosure* atau kerahsiaan bagi melindungi sebarang maklumat sulit dan hak milik atau rahsia dagangan.

f) Penarikan Diri / Penamatan Sepenuhnya

Dalam keadaan di mana konflik tersebut didapati signifikan dan pekerja tiada alternatif selain menarik diri sepenuhnya daripada punca konflik atau

melupakan kepentingan yang menyebabkan konflik tersebut atau meletakkan jawatan daripada SCG, pekerja dan diberikan tempoh yang munasabah untuk berbuat demikian.

Kegagalan untuk menyelesaikan konflik dalam tempoh yang ditetapkan boleh mengakibatkan tindakan tatatertib diambil terhadap pekerja, termasuk penamatan pekerjaan. Secara umumnya, tempoh ini tidak seharusnya melebihi enam (6) bulan.

6.0 PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN KHUSUS

Kumpulan Perolehan Sunway telah melaksanakan *Integrity Pact* bagi memastikan ketelusan dan keadilan dalam proses perolehan serta mencegah amalan rasuah dan salah laku. Selain daripada pendedahan konflik kepentingan tahunan, pekerja yang terlibat dalam kitaran perolehan dikehendaki melengkapkan 'Pengisytiharan oleh Pekerja / Ahli Jawatankuasa Tender yang terlibat dalam Perolehan Sunway' di bawah *Integrity Pact* dan menyerahkannya kepada BUHR masing-masing. Untuk maklumat lanjut mengenai *Integrity Pact*, sila rujuk portal Tadbir Urus & Integriti SCG di laman sesawang SCG.

7.0 PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN ANTARA SYARIKAT

- 7.1 Konflik juga boleh timbul apabila seorang pengarah dalam Lembaga sebuah syarikat tersenarai juga berkhidmat sebagai pengarah dalam satu atau lebih Lembaga Pengarah anak syarikat-syarikat tersenarai tersebut. Pengarah tersebut mungkin mempunyai akses atau memiliki maklumat yang tidak dimiliki oleh pengarah lain dalam Lembaga.
- 7.2 Pada setiap masa, maklumat material yang didedahkan daripada anak Syarikat kepada SCG, terutamanya laporan prestasi, maklumat sensitif harga dan maklumat utama lain yang belum diumumkan kepada umum, adalah terhad mengikut pematuhan kepada keperluan tadbir urus SCG.
- 7.3 Seorang pengarah yang berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah SCG dan juga dalam satu atau lebih Lembaga Pengarah anak Syarikat Sunway hendaklah diberikan akses kepada maklumat yang tepat, relevan, tepat pada masanya dan secara sulit bagi tujuan:
 - Membolehkan pengarah tersebut melaksanakan kewajipan fidusiari dan tanggungjawab Lembaga Pengarah; dan
 - Mengehadkan risiko dagangan dalaman, transaksi pihak berkaitan dan bentuk penyalahgunaan maklumat lain yang boleh membawa kepada situasi konflik kepentingan antara syarikat.
- 7.4 Sehubungan itu, pengarah hendaklah berhati-hati dalam mengendalikan, mendedahkan, membincangkan dan bertindak berdasarkan maklumat yang didedahkan, demi kepentingan terbaik Lembaga Pengarah yang diwakilinya sebagai ahli Lembaga Pengarah.

8.0 TANGGUNGJAWAB PENYELIAAN

8.1 LEMBAGA PENGARAH

- a) Memastikan pematuhan terhadap keperluan peraturan dan meluluskan Rangka Kerja Tadbir Urus Konflik Kepentingan (*COI Governance Framework*).
- b) Membincangkan dan meluluskan pengisytiharan konflik kepentingan oleh pengarah eksekutif dan bukan eksekutif, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan dan mana-mana pengurusan kanan utama lain serta laporan / penemuan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Audit.

8.2 JAWATANKUASA AUDIT

- a) Memantau pematuhan terhadap rangka kerja tadbir urus konflik kepentingan serta polisi dan peraturan COI, memastikan kawalan dalaman berkaitan pengurusan COI dilaksanakan dan berfungsi dengan berkesan untuk mengenal pasti, mengurangkan dan menguruskan risiko COI.
- b) Menjalankan semakan dan meluluskan pelan tindakan mitigasi untuk pendedahan konflik kepentingan yang melibatkan Pengarah Eksekutif, Bukan Eksekutif dan Pengurusan Kanan Utama. Sekiranya perlu, perkara ini akan dibawa ke Lembaga Pengarah untuk perbincangan dan tindakan lanjut bagi menyelesaikan, menghapuskan dan mengurangkan konflik tersebut.
- c) Memantau dan membuat susulan terhadap pelan tindakan yang telah diluluskan bagi menyelesaikan, menghapuskan atau mengurangkan konflik kepentingan.
- d) Melaporkan penemuan dan cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai tadbir urus dan pematuhan COI, termasuk ringkasan situasi COI utama yang telah disemak serta langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan, menghapuskan atau mengurangkan konflik tersebut, serta melaporkannya dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

8.3 PENGURUSAN

- a) Melaporkan kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan pihak berkepentingan yang relevan mengenai rangka kerja tadbir urus COI dan keperluan pelaporan COI.
- b) Membentuk dan mengemas kini polisi dan prosedur COI, memastikan pematuhan kepada keperluan undang-undang dan peraturan serta mengintegrasikan rangka kerja tadbir urus COI ke dalam proses perniagaan.
- c) Mengenal pasti dan menilai sebarang COI sebenar atau COI berpotensi yang timbul daripada pendedahan pekerja.
- d) Mencadangkan pelan tindakan yang bersesuaian untuk menyelesaikan, menghapuskan atau mengurangkan konflik yang dikenal pasti.

- e) Memantau pematuhan terhadap polisi dan prosedur COI dengan menjalankan penilaian dan audit secara berkala bagi mengenal pasti ruang penambahbaikan dan memastikan pematuhan kepada piawaian yang telah ditetapkan.
- f) Berinteraksi dengan pihak berkepentingan dalaman dan luar termasuk pekerja, pelanggan, pembekal, pengawal selia dan pemegang saham bagi mengkomunikasikan polisi COI, menangani kebimbangan dan memupuk ketelusan serta kepercayaan.
- g) Melaksanakan program latihan dan kesedaran untuk mendidik pekerja berkenaan polisi dan prosedur COI, memastikan mereka memahami tanggungjawab mereka serta cara mengenal pasti dan menguruskan potensi COI.
- h) Ketua Unit Perniagaan bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan pelan tindakan pembetulan. Memantau keberkesannya dan mencadangkan semakan jika perlu.

8.4 SETIAUSAHA SYARIKAT:

- a) Memastikan pendedahan yang dikemukakan oleh Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif serta Pengurusan Kanan Utama dibentangkan untuk perbincangan dan pertimbangan oleh Jawatankuasa Audit, dengan cadangan tersebut diserahkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- b) Memastikan pematuhan penuh terhadap semua kewajipan undang-undang berkaitan pelaporan, pendedahan, penyimpanan rekod dan keperluan lain berkaitan COI, terutamanya yang melibatkan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif serta Pengurusan Kanan Utama.
- c) Memberikan panduan kepada Lembaga mengenai hal ehwal tadbir urus korporat termasuk penyelesaian konflik kepentingan.

8.5 RISIKO & PEMATUHAN:

- a) Bertindak sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Semakan Konflik Kepentingan. Jawatankuasa ini menyemak pelan tindakan pembetulan yang dicadangkan oleh Ketua-Ketua Perniagaan untuk memastikan ia menangani konfli kepentingan yang telah dikenal pasti dengan secukupnya. Jika semakan mendapati ketidakcukupan atau ketidakberkesanan, Jawatankuasa akan meminta semakan semula sebelum kelulusan diberikan.
- b) Dengan bantuan GHR dan BUHR, memastikan unit perniagaan SCG mematuhi keperluan kawal selia dan kawalan dalaman untuk mengurangkan risiko serta mengekalkan nilai teras SCG iaitu integriti, kerendahan hati dan kecemerlangan.
- c) Sentiasa menilai dan menambah baik proses serta polisi pengurusan COI dengan mengambil kira maklum balas, menangani risiko yang muncul serta melaksanakan amalan terbaik untuk menguruskan COI secara efektif.

8.6 PEKERJA:

- a) Semua pekerja termasuk Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Utama mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk bertindak demi kepentingan terbaik SCG, termasuk mengelakkan konflik kepentingan semasa melaksanakan tugas di SCG.
- b) Semua pekerja mestilah mendedahkan sebarang konflik kepentingan sebenar atau berpotensi yang mereka hadapi dengan SCG dan Kumpulan Syarikat Sunway sebaik sahaja konflik tersebut timbul. Memandangkan situasi yang mungkin atau tidak mungkin menimbulkan konflik kepentingan adalah subjektif dan bergantung kepada fakta serta keadaan tertentu, adalah lebih baik bagi pekerja untuk membuat pendedahan kepada Ketua Jabatan, GHR / BUHR sekiranya terdapat keraguan.
- c) Semua pekerja mestilah mematuhi polisi ini serta polisi dan garis panduan lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan di sini. Sebarang pelanggaran polisi COI akan menjadi subjek siasatan dan tindakan tatatertib.

9.0 PENYELENGGARAAN REKOD

BUHR yang berkaitan bertanggungjawab untuk memastikan pendedahan COI secara tahunan dan penyerahan dokumen berkaitan oleh pekerja dibuat tepat pada masanya, tidak termasuk Pengarah Eksekutif & Bukan Eksekutif (yang menjadi tanggungjawab Setiausaha Syarikat). Ini termasuk penyimpanan borang COID dengan selamat dan memastikan tindakan mitigasi diambil oleh pihak yang berkaitan. Rekod-rekod ini akan sentiasa boleh diakses untuk semakan kawal selia oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit.

10.0 TINDAKAN TATATERTIB

- 10.1 SCG mengharapkan semua pekerja untuk membuat pendedahan penuh mengenai sebarang COI sebenar atau potensi COI yang wujud. Sekiranya konflik dikenal pasti, pihak pengurusan atau Jawatankuasa Audit (jika relevan) dikehendaki melaksanakan pelan tindakan yang diluluskan bagi menyelesaikan, menghapuskan atau mengurangkan konflik tersebut.
- 10.2 Kegagalan untuk membuat pendedahan dengan tepat atau sepenuhnya, atau tidak membuat pendedahan konflik, serta kegagalan untuk melaksanakan pelan tindakan pembetulan yang telah diluluskan, adalah dianggap sebagai pelanggaran serius terhadap tata kelakuan. Tindakan sedemikian boleh mengakibatkan tindakan tatatertib diambil, termasuk penamatan pekerjaan. Tindakan undang-undang yang sewajarnya juga boleh diambil terhadap pekerja yang gagal membuat pendedahan konflik yang boleh memudaratkan syarikat atau pihak berkepentingan.

11.0 DOKUMEN RELEVAN LAIN

Semua pekerja termasuk semua Pengarah dan Pengurusan Kanan Utama mestilah membaca polisi ini bersama dengan Polisi Kod Tatakelakuan dan Etika Perniagaan, Polisi Anti Rasuah Dan Korupsi, Polisi Hadiah, Layanan Dan Hospitaliti, Polisi Derma, Penajaan Dan Tanggungjawab Korporat, serta polisi berkaitan yang lain.

12.0 SEMAKAN PEMATUHAN

Dalam membangunkan polisi ini, kami telah mengambil kira garis panduan yang ditetapkan dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Akta Syarikat 2016 dan rangka kerja kawal selialain yang relevan bagi memastikan pematuhan terhadap obligasi yang telah ditetapkan.

